

**Pertumbuhan ekonomi dunia turun: IMF
Bharian Online
September 22, 2011**

DANA Kewangan Antarabangsa (IMF) menurunkan jangkaan pertumbuhan ekonomi dunia bagi tahun 2011 dan 2012 antara 0.3 hingga 0.5 peratus berikutan masalah ekonomi yang berterusan di Kesatuan Eropah (EU) dan Amerika Syarikat.

Dalam laporan Unjuran Ekonomi Dunia bagi September, IMF mengunjurkan kadar pertumbuhan empat peratus bagi 2011 dan 2012 berbanding 4.3 peratus dan 4.5 peratus pada Jun.

Unjuran IMF bagi AS berkurang kepada 1.5 dan 1.8 peratus daripada 2.2 dan 2.6 peratus sementara bagi negara Eropah, ekonominya dijangka berkembang 1.6 dan 1.1 peratus berbanding dua dan 1.7 peratus yang diunjurkan pada Jun lalu.

Negara Asia dijangka kurang terjejas dalam unjuran IMF dengan China kini dijangka berkembang 9.5 dan sembilan peratus berbanding 9.6 dan 9.5 peratus pada Jun.

Namun begitu, bagi negara ASEAN 5 iaitu Indonesia, Malaysia, Thailand, Filipina dan Vietnam, ekonomi diunjurkan berkembang 5.3 dan 5.6 peratus berbanding 5.4 dan 5.7 peratus.

IMF berkata, krisis ekonomi di AS dan EU adalah lebih lama daripada dijangkakan untuk diselesaikan.

"Amat membimbangkan, penunjuk keyakinan pengguna dan perniagaan di negara maju susut secara drastik, dan bukannya semakin kukuh berikutan kehadiran kejutan sementara yang tidak dapat dijangkakan," katanya dalam laporan itu.

Namun, IMF berkata, laporan dari Jepun menggalakkan dan menunjukkan pemulihan yang pesat dalam keluaran industri dan perbelanjaan domestik.

Laporan itu mengatakan senario yang paling teruk ialah bank-bank di Eropah perlu segera menyerap kerugian pasaran dan paras modal yang menyusut sehingga 10 peratus mencetuskan pusingan baru pengurangan kewangannya dan Asia mungkin berdepan peningkatan dalam kerugian berkaitan pinjaman hartanah. – Agensi

Hak Cipta Terpelihara 2011 - Berita Harian Sdn. Bhd.

Source:

http://www.bharian.com.my/bharian/articles/Pertumbuhanekonomiduniaturun_IMF/Article